

LATIHAN SINTAKSIS

Tandakan ayat tunggal yang betul:

Bil.	Ayat	Betul/Salah
1.	Lee Kwang Soo dan Song Joong Ki berkawan baik.	
2.	Suhu di Cameron Highland menyamakan.	
3.	Bangunan Burj Khalifah terletak di Dubai.	
4.	Antara pemain pasukan JDT ialah Arif Aiman dan Bergson.	
5.	Sepak manggis ialah sejenis permainan tradisional.	
6.	Lelaki muda itu sedang menembak burung.	
7.	Buah rambutan yang baru dipetik itu sangat manis.	
8.	Ahmad suka makan buah durian.	
9.	Jambatan Sungai Sentosa hanyut dibawa arus yang sangat deras.	
10.	Dua ekor kambing meragut rumput.	

Tandakan ayat majmuk yang betul:

Bil.	Ayat	Betul/Salah
1.	Kenderaan tanpa pemandu menggunakan kuasa elektrik dan bebas karbon.	
2.	Di bandar Putrajaya ini, segala-galanya ada.	
3.	Halia merupakan tumbuhan herba yang boleh mencegah demam dan selesema.	
4.	Lengkuas atau halia boleh mencegah demam.	
5.	Mahatma Gandhi seorang tokoh pemimpin negara India.	
6.	Razak mengambil sebuah buku cerita lalu membacanya.	
7.	Rumah yang besar itu rumah Fazli.	
8.	Dia akan balik ke kampung.	
9.	Ahmad tidak pergi ke sekolah.	
10.	Dia memberitahu bahawa kakaknya akan melanjutkan pelajaran ke luar negara.	